

15 NOV 1999

Abu Zahar-Calon

TIGA WAKIL PEMUDA DAN SEORANG WANITA ANTARA MUKA BARU

MELAKA, 15 Nov (Bernama) -- Tiga pemimpin Pergerakan Pemuda dan seorang daripada Pergerakan Wanita adalah antara beberapa cadangan muka baru yang dikemukakan oleh Umno Melaka untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-10 ini.

Ketua Menteri dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata calon Pemuda dan Wanita itu adalah antara muka-muka baru dalam senarai cadangan yang dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno hari ini.

"Jika cadangan itu diterima bermakna Wanita akan mendapat dua kerusi pada kali ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan Pertubuhan Peladang Negeri di sini hari ini.

Pada pilihan raya umum lepas, Wanita Umno diberi satu kerusi manakala tiada calon Pemuda dipilih bertanding.

Abu Zahar berkata gabungan muka baru dan lama itu dijangka memperkuat lagi jentera Umno dalam menghadapi pilihan raya umum kali ini.

Beliau juga berkata semua penyandang anggota Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang mempunyai jawatan di dalam parti secara automatik disenaraikan tetapi sebagai amalan biasa, dua atau tiga nama lain turut dicadangkan.

Beliau mengesahkan bahawa beberapa anggota DUN yang tewas pada pemilihan peringkat bahagian tahun lepas telah digugurkan daripada senarai pencalonan.

"Saya telah menyerahkan nama-nama calon kepada Perdana Menteri... terpulanglah kepada beliau untuk menentukan siapa yang layak bertanding," katanya.

Abu Zahar meminta semua anggota Umno supaya menerima keputusan mengenai pemilihan bakal calon dan berusaha memastikan kemenangan BN di semua kawasan yang ditandingi.

"Pilihan raya kali ini sengit... bagaimanapun dengan persiapan yang telah dijalankan, BN pasti menang malah mungkin merampas beberapa kawasan yang dimiliki pembangkang," katanya.

Abu Zahar yang juga Pengerusi BN Negeri juga berkata ada kemungkinan parti Gerakan dan MCA membuat pertukaran kawasan di sini.

Pada pilihan raya umum 1995, BN memenangi empat daripada lima kerusi Parlimen iaitu Batu Berendam, Alor Gajah, Selandar dan Jasin manakala DAP memenangi kerusi parlimen Kota Melaka.

Bagi Dewan Undangan Negeri pula BN memenangi 22 daripada 25 kerusi manakala DAP memenangi tiga lagi kawasan.

-- BERNAMA

MYD NMO